

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Muhammad Said bin Shamsuddin.

Arau Perlis, bertanya:

Hingga sekarang saya masih berasa bingung tentang

soal makmum membaca al-Fātiḥah di belakang imam. Ada ulama yang mengatakan wajib dan pula yang mengatakan tidak wajib.

Apa pendapat tuan dalam soal ini?

Jawab:

Tentang masalah makmum membaca al-Fātiḥah di belakang imam itu ada tiga pendapat dari para ulama:

1. Pendapat golongan yang bertama¹ berkata: bahawa makmum tidak dibolehkan sama sekali membaca al-Fātiḥah di belakang imam, mahu pun ia mendengar suara imam itu membaca al-Fātiḥah atau pun tidak. Ini adalah pendapat dari golongan orang-orang Islam yang bermazhab dengan mazhab Imam Ḥanafi.
2. Pendapat golongan yang kedua berkata: wajib makmum membaca al-Fātiḥah di belakang imam, sama ada bacaan al-Fātiḥah imam itu kedengaran oleh makmum atau tidak kedengaran. Ini adalah pendapat dari Imam Shāfi'ī.
3. Pendapat golongan yang ketiga pula berkata: makmum wajib membaca al-Fātiḥah; kalau ia tidak mendengar suara imam membacanya; tetapi kalau makmum mendengar suara imam membacanya maka tidak wajib membaca al-Fātiḥah itu. Inilah pendapat kebanyakan dari para ulama, seperti Imam Mālik, Ahmad bin Hanbal

dan lain-lainnya.

Sekarang kita sudah mengetahui beberapa pendapat dari para ulama tentang perkara makmum membaca al-Fātiḥah di belakang imam. Setelah itu perlu pula kita ketahui apa sebabnya para ulama' itu bersalah-salahan pendapat tentang **masalah tersebut?**

Sebenarnya kalau soal ini hendak dikaji dengan sedalam-dalamnya ia berhajat kepada suatu perbincangan yang panjang lebar; tetapi sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh En. Muhammad Said biarlah perkara ini kita perkatakan dengan seberapa ringkas sahaja, supaya dapat kita mempertimbangkan mana suatu pendapat yang patut kita jadikan pegangan.

Hujah Golongan yang Pertama:

Golongan yang pertama – yang mengatakan makmum tidak boleh sama sekali membaca al-Fātiḥah di belakang imam sama ada ia mendengar suara imam membaca al-Fātiḥah itu atau pun tidak - mereka ada mempunyai hujah dari satu hadith Nabi (S.A.W.) yang berbunyi:

“Man kāna lahu imām faqirā'atu al-imām lahu qirā'atu”

- (al-Dāraquṭnī)

Ertinya: “Barangsiapa yang bersembahyang berimam, maka bacaan imamnya itu adalah menjadi bacaannya.”

- (Hadith riwayat al-Dāraquṭnī)

Menurut pendapat para ulama' dalam ilmu muṣṭalah al-hadith, riwayat hadith di atas adalah lemah sama sekali, lantaran itu ia tidak boleh dijadikan hujah di dalam sesuatu hukum.

Hujah golongan yang kedua:

Golongan yang kedua – yang berpendapat bahawa makmum itu wajib membaca al-Fātiḥah di belakang imam, sama ada bacaan al-Fātiḥah itu didengar oleh makmum atau pun tidak – mereka ada pula mengemukakan beberapa buah hadith nabi sebagai

¹ Perkataan sebenarnya adalah petama

hujah di atas kebenaran pendapat mereka itu. Di antara hadith-hadith tersebut ada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang berbunyi:

(Lā taqra’ū bi shay’i min al-Qur’ān idhā jaharta bihi illā bi umm al-Qur’ān)

Ertinya: “Jangan kamu membaca sesuatu pun daripada (ayat) Qur’an, kalau aku telah membacanya dengan suara yang nyaring, melainkan Umm Qur’an (al-Fātiḥah) – (Hadith riwayat Abu Daud).

Selain dari hadith di atas ada didapati beberapa hadith lagi yang tujuan dan maknanya sama selaras dengan hadith itu, yaitu: tidak boleh makmum membaca sebarang ayat Qur’an (selain daripada al-Fātiḥah) di belakang imam ketika imam sedang membaca dengan suara yang nyaring.

Hujah Golongan yang ketiga:

Golongan yang ketiga – iaitu golongan yang mewajibkan makmum membaca al-Fātiḥah kalau ia tidak mendengar suara imam membacanya – juga mempunyai hujah-hujah yang kuat mengenai masalah tersebut; di antara hujah mereka yang kuat sekali ialah sepotong ayat Qur’an yang berbunyi:

(Wa idhā qur’ā al-Qur’ānu fastami’ū lahu wa anṣitū la’allakum turḥamūna)

Ertinya: “Apabila dibaca al-Qur’an maka hendaklah kamu dengar dan diam, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat.” – (Sūrah al-A’rāf ayat 204).

Selain dari hujah ayat Qur’an yang tersebut di atas ada lagi empat buah hadith nabi yang mereka jadikan dalil untuk menguatkan pendapat mereka itu:

(Innā jā’ala al-imām liyu’tamma bihi fa idhā kabirū fa kabirū wa idhā qara’a fa anṣitū)

Ertinya: Sesungguhnya diadakan imam itu hanya buat diturut, (menjadi ikutan), apabila ia

bertakbir, maka turutlah oleh kamu sama bertakbir, dan apabila ia membaca maka hendaklah kamu diam.”

2. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Mālik yang berbunyi:

(Kāna ‘Abd Allāh bin ‘Umar sa’ala: Hal yaqra’u aḥada khalfa al-imām? Yaqūlu: Idhā ṣallā aḥadakum khalfa al-imām faḥasibhu qira’ata al-imām)

Ertinya: “Adalah Abdullah anak Khalifah Umar, apabila orang bertanya kepadanya; adakah mesti seorang membaca di belakang imam? Ia menjawab: Apabila seorang daripada kamu sembahyang di belakang imam, maka bacaan imam itu sudah cukup baginya.”

3. Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim, berbunyi:

(Qāla Zaid bin Thābit la qira’atu ma’a al-imām fi shai’i.)

Ertinya: “Telah berkata Zaid bin Thabit: Tidak ada bacaan beserta imam di dalam sesuatu (sembahyang).

4. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi berbunyi:

(Innahu sa’ala Ibn Mas’ūd ‘an al-qira’atu khalfa al-imām faqāla: Anṣaytu lil Qur’ān fa inna fī al-ṣolāti li shaghlā wa sayakfika dhalika al-imām)

Ertinya: “Bahawasanya ada seorang bertanya kepada Ibnu Mas’ud dari hal membaca di belakang imam, maka jawabnya: Diamlah untuk mendengar bacaan al-Qur’ān, kerana di dalam sembahyang itu ada urusan mendengar, dan bacaan itu akan dilakukan oleh imam untukmu.”

Inilah dia satu hujah dari al-Qurān dan empat hujah dari hadith yang telah dikemukakan oleh golongan yang ketiga. Sekarang terpulanglah kepada kita masing-masing

untuk menentukan mana satu golongan dari ketiga-tiga golongan itu harus kita turut akan pendapat-pendapatnya.

Tetapi oleh kerana di dalam soalan di atas saudara yang menyoal berkehendakkan pendapat saya tentang perkara tersebut, maka sebelum saya memberikan sebarang keputusan golongan yang mana satu yang patut kita ikuti, maka marilah terlebih dahulu kita sama-sama meninjau kesemua hujah dan dalil-dalil yang telah diberikan oleh ketiga-tiga golongan itu; selepas itu baharulah dapat kita sama-sama mempertimbangkan pendapat dari golongan mana lebih tepat dan lebih kuat hujah-hujah mereka; di kala itu kelak baharulah kita dapat mengambil keputusan mana satu golongan yang harus menjadi ikutan?

Yang perlu kita tinjau sekarang ialah pendapat golongan yang kedua dan golongan yang ketiga sahaja, kerana hujah yang dikemukakan oleh golongan yang pertama itu sudah ditolak, kerana hadith yang telah dijadikan alasan oleh golongan itu lemah riwayatnya.

Golongan yang kedua ada mengemukakan beberapa hadith yang ertinya: Bahawa makmum wajib membaca al-Fātiḥah di belakang imam. Hadith-hadith tersebut sungguhpun tidak kesemua ahli hadith mengesahkannya, tetapi nampaknya tidak ada yang menganggap riwayatnya lemah.

Ada pun golongan yang ketiga telah mengemukakan beberapa alasan dari al-Qur'ān dan hadith-hadith nabi yang sahih dan tegas serta kuat riwayatnya, ada di antara hadith-hadith yang mereka jadikan hujah itu dikuatkan oleh perkataan dari sahabat-sahabat nabi, seperti Abdullah bin Umar, Zaid bin Thabit dan Ibnu Mas'ud; kerana setiap hadith yang dikuatkan oleh perkataan-perkataan sahabat nabi itu adalah lebih tegas dan lebih kuat riwayatnya.

Oleh kerana alasan-alasan atau hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh golongan yang ketiga ini bersandarkan ayat Qurān dan hadith-hadith nabi yang kuat riwayat dan

sandarannya, maka sudah tentu pendapat golongan yang ketiga ini lebih kuat dan lebih tegas dari pendapat golongan yang kedua.

Baiklah sebelum kita mengambil sesuatu keputusan, marilah kita cuba menimbangkan perkara ini dengan menggunakan fikiran yang agak tenang, demi untuk memperdalamkan keyakinan kita ke arah sesuatu keputusan muktamad yang akan kita ambil.

1. Di waktu imam membaca al-Fātiḥah dengan suara yang nyaring, sedang saat itu makmum juga membaca al-Fātiḥah bersama-sama dengan imam, maka sudah tentu bacaan imam itu tidak mendatangkan sebarang faedah, kerana tidak ada orang yang mendengarnya.
2. Di waktu imam membaca al-Fātiḥah, di kala itu makmum hanya mendengar sahaja bacaan imam itu; kemudian imam membaca satu surah dari Qurān dengan suara yang nyaring juga, pada saat itu, makmum membaca al-Fātiḥah, maka sudah tentu pembacaan surah imam itu tidak juga ada faedahnya, kerana makmum yang mendengar surah imam itu sedang lali dengan bacaan al-Fātiḥahnya.
3. Pendeknya tidak boleh dinafikan bahawa maksud imam membaca al-Fātiḥah atau surah dengan suara yang nyaring itu ialah supaya didengar dan difahami akan isi bacaannya oleh makmum-makmum yang dibelakangnya.

Pendapat saya:

Jadi pendapat saya dalam soal tersebut, saya lebih cenderung beramal dengan pendapat dari golongan yang ketiga, setelah saya lihat dan saya kaji alasan-alasan, dalil-dalil dan hujah-hujah yang mereka kemukakan itu sungguh jelas, tetap dan kuat. – Abu al-Mokhtar.